



Ministry of Industry and Primary Resources

**TEKS UCAPAN
YANG BERHORMAT
MENTERI PERINDUSTRIAN DAN
SUMBER-SUMBER UTAMA**

**SEBAGAI TETAMU KEHORMAT
DI MAJLIS PEMBUKAAN RASMI
HARI LAUTAN SEDUNIA**

DI KOMPLEKS JABATAN PERIKANAN

**HARI RABU,
8HB JUN 2011**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Yang Mulia, Dayang Hajah Hasnah Ibrahim, Pengarah
Perikanan selaku Pengerusi Majlis;

Yang Mulia, Dato Paduka Dr. Haji Mohd Amin Liew bin
Abdullah, Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian
dan Sumber-Sumber Utama;

Yang Mulia Duta Duta Besar

Yang Mulia, Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti
Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama
(Dr.) Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri, Timbalan
Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan
Sumber- Sumber Utama;

Yang Mulia, Awang Riza bin Dato Paduka Haji Md. Yunos, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber- Sumber Utama;

Yang Mulia Ketua-Ketua Jabatan, Pengarah-Pengarah, Pegawai-Pegawai Kerajaan dan Swasta, penceramah undangan;

Yang Mulia para hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian;

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam sejahtera

Segala puji hanya bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam keatas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, kaum keluarga, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua, kita dapat berkumpul di majlis pada pagi ini.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Jawatankuasa Majlis kerana menjemput saya untuk menjadi Tetamu Kehormat dan saya berbesar hati dapat bersama-sama dengan yang hadir bagi menyambut *'Hari Lautan sedunia' pada pagi ini.*

Hari Lautan Sedunia yang jatuh pada 8 hb Jun pada setiap tahun, telah di isytiharkan oleh Bangsa Bangsa Bersatu kerana menyedari betapa pentingnya lautan kepada kehidupan kita di bumi ini. Pada hari ini kita di Brunei Darussalam juga sama-sama berkumpul di ibu pejabat Jabatan Perikanan yang baru untuk menyambutnya bagi menyambut nya dan meng'acknowledge' (memaklumi) peranan 'stewardship' (pengawasan) Jabatan Perikanan terhadap sumber sumber perikanan negara ini.

Pada hari ini, kita berpeluang untuk me'reflek' betapa mustahaknya alam sekitar marin dan sumber sumber di dalam nya, pada masa ini dan untuk generasi akan datang, dan menilai perkembangan dan kemajuan yang telah dicapai. Sumber-sumber ini adalah sebahagian daripada kurnia Allah (SWT) kepada kita di negara ini dan kita adalah bertanggungjawab, sebagai raayat dan penduduknya untuk menjaga sumber-sumber ini dalam kita menikmatinya. Kita perlulah mengambil

kesempatan untuk mempelajari lagi tentang pengawasan lautan atau 'ocean stewardships', untuk mengubah dasar dan amalan bila diperlukan, dan sama sama berfikir bagaimana untuk menjadi pegawai sumber-sumber persisiran pantai dan lautan, yang lebih baik.

Alhamdulillah, kita melihat bahawa agensi agensi yang berkenaan di negara ini masing masing berusaha dalam menjaga sumber-sumber alam yang banyak. Kita memajukan sumber-sumber gas dan minyak dari laut dengan cara yang terbaik, dimana dalam waktu yang sama, menjaga alam sekitar pesisiran pantai dan marin. Sumber kehidupan marin negara ini adalah yang di antara yang terbaik di rantau ini, akan tetapi kita mempunyai banyak ruang untuk memperbaikinya lagi. Dalam hal ini itu pakar-pakar bersependapat bahawa kita akan menikmati lebih banyak kemajuan pada masa akan datang jika kita bertindak mengikut lunas lunas yang tertentu.

Banyak negara yang menghadapi cabaran-cabaran yang sama dalam pemuliharaan lautan, seperti negara ini juga. Visi negara ini adalah bagi negara kita dapat mencapai standard antarabangsa yang tertinggi atas tindakan kita terhadap cabaran-cabaran ini. Sudah menjadi dasar negara ini adalah untuk sentiasa menilai kembali cabaran-cabaran yang dihadapi, dan mengenalpasti tindakan pembetulan yang perlu diambil untuk mencapai tujuan pengurusan.

Pada misalnya sebentar lagi kita akan melancarkan satu buku mengenai Pelan Tindakan bagi menangani penangkapan Ikan yang tidak sah, tidak dilaporkan dan tidak menurut peraturan atau lebih dikenali dengan Illegal, Unreported and Unregulated Fishing atau IUU fishing. Amalan-amalan ini dan cara penangkapan ikan yang boleh memusnahkan sumber marin, adalah tidak lestari. Ianya boleh mengurangkan produktibiliti ekosistem marin untuk alam maya dan sekuriti makanan penduduknya. Kita tahu bahawa amalan-

amalan ini perlu diubah dan kita sedang berusaha untuk melaksanakannya.

Setiap kita secara individu boleh membantu negara ini memberhentikan pencemaran. Contohnya secara individu dan kolektif, kita hendaklah berhenti dari membuang plastik di pantai dan di laut, dan ini termasuklah nelayan-nelayan untuk tidak membuang pukot-pukot mereka dan peralatan yang tidak di gunakan lagi kedalam laut. Kajiselidik terbaharu yang dilaksanakan di negara ini, menunjukkan alat-alat menangkap ikan yang dibuang dan ditinggalkan begitu sahaja, didapati merosakkan terumbu karang atau takat di perairan negara ini.

Kita hendaklah meningkatkan kembali stok ikan di perairan negara ini dan meningkatkan pengeluaran dari akuakultur untuk memastikan sekuriti makanan laut negara ini. Pengusaha-pengusaha industri tangkapan dan akuakultur tempatan, mengeluarkan kebanyakan

makanan laut yang kita makan. Ini adalah satu pencapaian yang membanggakan dan kita seharusnya berterimakasih atas pencapaian ini.

Walaupun bagaimanapun, perikanan negara ini, seperti halnya perikanan di seluruh dunia, mengalami penurunan. Penurunan ini boleh dibalikkan dan stok dipulihkan, dan Jabatan Perikanan sedang berusaha untuk mencapainya dengan mengikuti amalan pengurusan perikanan yang telah terbukti secara saintifik, supaya kita akan dapat menikmati produktiviti yang lebih besar lagi di masa akan datang. Salah satu daripada langkah-langkah yang di kenal pasti adalah menyekat amalan-amalan menangkap ikan yang tidak cekap dan merosakan stok, yang meruntuhkan ketahanan dan kapasiti sumber kehidupan marin negara ini. Bagi mengurangkan lagi pengurangan sumber-sumber marin dan bagi memastikan pemulihannya, kita berhasrat untuk mengambil tindakan yang akan melindungi habitat-habitat yang penting

untuk kehidupan marin. Di merata dunia, usaha yang sama telah berjaya membalikkan penurunan stok dan kepelbagaian kehidupan marin. Negara Brunei Darussalam mengikuti 'ocean stewardship' atau pengawasan lautan dengan pelaksanaan penentuan kawasan untuk aktiviti-aktiviti keselamatan manusia dan pemuliharaan.

Pada masa yang sama, kita akan terus memperkembangkan lagi industri akuakultur bagi meningkatkan lagi pengeluaran makanan laut dan mengurangkan tekanan terhadap stok ikan tangkapan. Dalam pada itu, perkembangan tersebut perlu lah di imbangi dengan pelaksanaan pengamalan 'Good Aquaculture Practices (GAP)' dan Biosekuriti'. Kearah ini Kementerian Perindustrian dan Sumber Sumber Utama melalui Jabatan Perikanan akan menguatkuasakan pengamalan GAP dan Biosekuriti ini memandangkan penting nya amalan amalan tersebut di praktikan bagi mengelakkan impak yang buruk kepada

alam sekitar marin, dan juga bagi mengelakkan kejadian kejadian yang mendatangkan kerugian berjuta ringgit kepada pengusaha pengusaha dan juga kepada kerajaan seperti kejadian penyakit udang bintik putih yang terjadi baru baru ini di kawasan ternakan udang di seluruh negara.

Kita mesti berusaha untuk melindungi persisiran pantai dan laut yang mengekalkan sumber-sumber asli dan kualiti serta sekuriti kehidupan dan negara dan pada hari ini juga, setiap kita secara individu akan berazam untuk menjadi sebahagian dari penyelesaian, dan bukan sebahagian dari masalah.

Saya di fahamkan bahwa Jabatan perikanan mengadakan hari terbuka dari hari ini hingga 12hb Jun nanti. Kearah ini saya berharap semua yang hadir akan berkesempatan untuk berkunjung melawat 'Hari Terbuka' Jabatan Perikanan yang mempamerkan aktibiti aktibiti Jabatan Perikanan dan Agensi Agensi kerajaan

dan bukan kerajaan, yang bersangkutan paut dengan lautan, dan mengambil kesempatan berinteraksi dengan pegawai pegawai pegawai yang bertugas untuk memahami dengan lebih jelas dalam menandai tugas dan tanggungjawab yang di amanahkan dan bagaimana dapat menyumbang ke atas kerja-kerja secara 'voluntari' dalam penjagaan alam sekitar marin di negara ini. Pada esok hari pula, kita akan berpeluang mendengar maklumat maklumat mengenai pengurusan dan pengawasan sumber marin dari pakar pakar pakar dalam bidang lautan di seminar yang diadakan oleh Jabatan Perikanan.

Di kesempatan ini saya sukacita mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perikanan kerana berusaha mengunggayahkan acara pada pagi ini.

Untuk akhirnya, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada ahli-ahli

jawatankuasa serta mereka-mereka yang terlibat dalam menjayakan majlis ini.

Sekian Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh dan Salam Sejahtera.